



**INTERNATIONAL JOURNAL OF LAW,  
GOVERNMENT AND COMMUNICATION  
(IJLGC)**  
[www.ijlgc.com](http://www.ijlgc.com)



**JENIS KESALAHAN TERHADAP REKOD AWAM DAN ARKIB  
AWAM SERTA HUKUMANNYA DI MALAYSIA: ANALISIS  
AWAL TERHADAP AKTA ARKIB NEGARA 2003 (AKTA 629)**

*TYPES OF OFFENCES AGAINST PUBLIC RECORDS AND PUBLIC ARCHIVES  
AND THEIR PUNISHMENTS IN MALAYSIA: A PRELIMINARY ANALYSIS OF THE  
NATIONAL ARCHIVES ACT 2003 (ACT 629)*

Ahmad Azman Mohamad Ramli<sup>1\*</sup>, Noor Faraliza Samsudin<sup>2</sup>, Intan Nurbaizura Zainuddin<sup>3</sup>, Mohd Naim Mohd Nasfi<sup>4</sup>, Norhidayu Md Yatim<sup>5</sup>, Izzatil Husna Arshad<sup>6</sup>, Razifah Othman<sup>7</sup>, Kasmarini Baharuddin<sup>8</sup>

- <sup>1</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: ahmadazman@uitm.edu.my
  - <sup>2</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: noorf053@uitm.edu.my
  - <sup>3</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: intan422@uitm.edu.my
  - <sup>4</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: naim932@uitm.edu.my
  - <sup>5</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: norhidayu@uitm.edu.my
  - <sup>6</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: husna672@uitm.edu.my
  - <sup>7</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Sembilan, Kampus Rembau, Malaysia  
Email: razif879@uitm.edu.my
  - <sup>8</sup> Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA Cawangan Negeri Selangor, Kampus Puncak Perdana, Malaysia  
Email: kas@uitm.edu.my
- \* Corresponding Author

## Article Info:

### Article history:

Received date: 18.04.2024

Revised date: 13.05.2024

Accepted date: 15.06.2024

Published date: 30.06.2024

### To cite this document:

Ramli, A. A. M., Samsudin, N. F., Zainuddin, I. N., Nasfi, m. n. m., Yatim, N. M., Arshad, I. H., Othman, R., & Baharuddin, K. (2024). The Role Of Social Media In Local Government Engagement. *International Journal of Law, Government and Communication*, 9 (36), 160-168.

DOI: 10.35631/IJLGC.936012

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



## Abstrak:

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) merupakan suatu akta yang digubal bertujuan untuk memastikan rekod awam dan arkib awam di Malaysia dapat dipelihara dengan baik bagi kegunaan rujukan masa kini dan masa hadapan. Di antara peruntukan di dalam akta ini ialah berkaitan dengan kesalahan-kesalahan terhadap rekod awam dan arkib awam serta hukuman-hukuman kepada pesalah yang melakukan kesalahan tersebut. Sehubungan dengan itu, objektif kertas ini disediakan ialah untuk menganalisis persoalan apakah jenis-jenis kesalahan dan hukuman tersebut. Selain itu, jenis kesalahan dan hukuman yang terdapat di dalam akta ini akan dibuat perbandingan dengan jenis kesalahan dan hukuman yang terdapat di dalam undang-undang berkaitan rekod awam dan arkib awam yang sedang dikuatkuasakan di negara-negara luar. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis persoalan ini ialah dengan menggunakan kaedah sorotan kesusasteraan (literature review) terhadap kandungan sumber-sumber maklumat seperti buku, artikel, akta, peraturan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Berdasarkan analisis ini, penemuannya ialah didapati terdapat lima jenis kesalahan terhadap rekod awam dan arkib awam serta satu jenis hukuman yang diperuntukkan di bawah akta ini. Selain itu didapati wujud beberapa perbezaan dan persamaan berkaitan jenis kesalahan dan hukuman di bawah akta ini jika dibandingkan dengan jenis kesalahan dan hukuman berkaitan rekod dan arkib awam yang sedang dikuatkuasakan di negara luar. Penemuan ini akan dibincangkan dengan lebih mendalam di dalam kertas ini. Diharap perbincangan daripada kertas ini akan dapat menyumbang kepada peningkatan pengetahuan pembaca tentang jenis kesalahan dan hukuman berkaitan rekod awam dan arkib awam yang sedang dikuatkuasa di bawah Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) di Malaysia serta perbandingannya dengan negara-negara luar. Diharap juga penemuan daripada analisis awal ini akan dapat menjadi pemangkin kepada penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan persoalan ini pada masa hadapan.

## Kata kunci:

Kesalahan, Rekod Awam, Arkib Awam, Akta Arkib Negara 2003

## Abstract:

The National Archives Act 2003 (Act 629) is an act enacted to ensure that public records and public archives in Malaysia can be properly preserved for present and future reference. Among the provisions in this act are related to offenses against the public and public archives as well as punishments for record offenders who commit such offences. In relation to that, the objective of this paper is to analyze the question of what the types of offenses and punishments are. In addition, the types of offenses and punishments found in this act will be compared with the types of offenses and punishments found in laws related to public records and public archives that are being enforced in foreign countries. The method used to analyze this question is to use the literature review method against the content of information sources such as books, articles, acts, regulations and other related documents. Based on this analysis, the findings are that there are five types of offenses against public records and public archives and one type of punishment provided under this act. In addition, there are some differences and similarities related to the types of offenses and punishments under this act when compared to the types of offenses and punishments related to public records and archives that are being enforced in foreign countries. These findings will be discussed in more depth in this paper. It is hoped that the discussion from this paper will contribute to increasing the reader's knowledge about the types of offenses and punishments related to public records and public archives that are being enforced under the National Archives Act 2003 (Act 629) in Malaysia as well as its comparison

with foreign countries. It is also hoped that the findings from this preliminary analysis will be a catalyst for more in-depth research related to this question in the future.

**Keywords:**

Offenses, Public Records, Public Archives, National Archives Act 2003

## Pengenalan

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) merupakan suatu akta yang digubal bertujuan untuk memastikan rekod awam dan arkib awam di Malaysia dapat dipelihara dengan baik bertujuan untuk kegunaan masa kini dan masa hadapan. Akta ini digubal bagi menggantikan Akta Arkib Negara 1966 yang telah dimansuhkan. Di antara peruntukan-peruntukan undang-undang yang terdapat di dalam akta ini ialah berkaitan dengan jenis-jenis kesalahan-kesalahan terhadap rekod awam dan arkib awam berserta dengan jenis-jenis hukuman-hukuman kepada pesalah yang melakukan kesalahan tersebut. Sehubungan dengan itu, objektif kertas ini disediakan ialah untuk menganalisis tentang persoalan apakah jenis-jenis kesalahan dan hukuman tersebut. Selain itu, jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang terdapat di dalam akta ini akan dibuat perbandingan ringkas dengan jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang terdapat di dalam undang-undang berkaitan rekod awam dan arkib awam yang sedang dikuatkuasa di negara-negara luar. Kaedah yang digunakan untuk menganalisis persoalan ini ialah dengan menggunakan kaedah sorotan kesusasteraan terhadap kandungan sumber-sumber maklumat seperti buku, artikel, akta, peraturan dan dokumen-dokumen lain yang berkaitan. Diharap perbincangan dalam kertas ini akan menyumbang kepada peningkatan pengetahuan pembaca tentang jenis-jenis kesalahan dan hukuman berkaitan rekod awam dan arkib awam di bawah Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) yang sedang dikuatkuasa di Malaysia serta perbandingannya dengan negara-negara luar. Diharap juga penemuan daripada analisis awal ini akan dapat menjadi pemangkin kepada penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan persoalan ini pada masa hadapan.

## Definisi Istilah

Istilah bermaksud perkataan atau rangkai kata yang menyatakan sesuatu dengan betul dan sesuai dalam sesuatu bidang ilmu pengetahuan (pekerjaan atau kesenian) (Kamus Dewan, 2017). Oleh itu, bagi membantu pembaca memahami dengan lebih mudah konsep atau makna sesuatu kata yang dibincangkan di dalam kertas ini, ia akan terlebih dahulu mendefinisi empat istilah penting yang dibincangkan di dalam artikel ini. Kesemua empat definisi ini diperolehi daripada Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Istilah-istilah tersebut ialah rekod, rekod awam, arkib awam, dan pejabat awam.

## Rekod

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan “rekod” ialah bahan dalam bentuk bertulis atau bentuk lain yang menyatakan fakta atau peristiwa atau selainnya merakamkan maklumat dan termasuklah kertas, dokumen, daftar, bahan bercetak, buku, peta, pelan, lukisan, gambar foto, mikrofilem, filem sinematografi, rakaman bunyi, rekod yang dihasilkan secara elektronik tanpa mengira bentuk atau ciri-ciri fizikal dan apa-apa salinannya (Arkib Negara Malaysia, 2003).

### **Rekod Awam**

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan “rekod awam” ialah rekod yang diterima secara rasmi atau yang dikeluarkan oleh mana-mana pejabat awam bagi perjalanan hal ehwalnya atau oleh mana-mana pekhidmat awam atau pekerja pejabat awam dalam perjalanan tugas rasminya dan termasuk rekod mana-mana perusahaan kerajaan dan juga termasuk segala rekod yang pada permulaan kuat kuasa Akta ini, adalah dalam jagaan atau di bawah kawalan Arkib Negara Malaysia yang ditubuhkan di bawah Akta Arkib Negara 1966 (Arkib Negara Malaysia, 2003).

### **Arkib Awam**

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa "arkib awam" bermaksud “rekod awam” yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan berpanjangan atau kedua-duanya dan yang telah dipindahkan ke Arkib Negara Malaysia atau mana-mana tempat lain yang diarahkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dari semasa ke semasa. Akta ini juga mentakrifkan arkib awam sebagai sebarang rekod peribadi atau bahan lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia sebagai mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan berpanjangan atau kedua-duanya diperoleh untuk Arkib Negara Malaysia oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia (Arkib Negara Malaysia, 2003).

### **Pejabat Awam**

Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan pejabat awam ertinya sesuatu pejabat Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri atau sesuatu pejabat mana-mana kerajaan tempatan, pihak berkuasa berkanun atau perusahaan Kerajaan (Arkib Negara Malaysia, 2003).

### **Kaedah Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu melakukan ulasan karya (*literature review*) terhadap sumber rujukan bagi mendapatkan maklumat sekunder berkaitan topik kajian. Ulasan karya ialah “*a step-by-step process that involves the identification of published and unpublished work from secondary sources on the topic of interest, the evaluation of this work in relation to the problem, and the documentation of this work*” (Sekaran & Bougie, 2010).” Kertas ini memilih kaedah ini disebabkan oleh sumbangannya kepada pencapaian objektif kertas ini. “*Literature search will help the researcher to focus on the research problem based on certain aspects found to be important in the published studies* (Awang, 2013).” “*Literature review convinces readers about the significance of a study* (Kee et al., 2009).” Bahan rujukan seperti akta, surat khabar, buku, media sosial seperti *facebook*, laman sesawang dan sebagainya digunakan bagi mendapatkan maklumat sekunder tersebut. Masa kajian ialah selama empat bulan iaitu bermula pada bulan Januari 2024 sehingga bulan April 2024.

### **Dapatan Kajian**

Berdasarkan analisis awal ini, didapati terdapat lima jenis kesalahan terhadap rekod awam dan arkib awam di Malaysia dan satu jenis hukuman yang diperuntukkan di bawah Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Selain itu didapati terdapat juga beberapa perbezaan dan persamaan berkaitan jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan di bawah akta ini jika dibandingkan dengan kesalahan dan hukuman berkaitan rekod dan arkib awam seperti yang diamalkan di negara luar. Perbincangan lanjut tentang perkara-perkara ini adalah seperti yang berikut:

### **Kesalahan Pemusnahan Rekod Awam**

Seksyen 25 (1) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam yang dalam jagaan atau di bawah kawalan orang itu kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia. Seksyen. 25 (2) akta tersebut juga menetapkan seseorang yang berniat untuk memusnahkan atau membenarkan pemusnahan mana-mana rekod awam hendaklah memberitahu Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia dalam borang yang ditetapkan tentang niat untuk berbuat demikian. Seksyen 25 (3) akta ini juga memberi kuasa kepada Ketua Pengarah menghendaki mana-mana rekod awam yang dinyatakan dalam pemberitahuan dalam borang yang ditetapkan itu dijadikan tersedia untuknya bagi pemeriksaannya. Sebagai hukuman kepada mana-mana pihak yang melanggar seksyen 25 (1), (2) dan (3) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629), seksyen 25 (5) akta ini menetapkan orang itu telah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan oleh mahkamah boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seperti di Malaysia, negara-negara luar juga menetapkan adalah menjadi suatu kesalahan sekiranya memusnahkan rekod awam tanpa kebenaran undang-undang. Contohnya, Arkib Jabatan Keadilan Amerika Syarikat melalui undang-undang yang bernama 18 U.S.C. 2071 menyatakan:

*“Any custodian of a public record who "wilfully and unlawfully conceals, removes, mutilates, obliterates, falsifies, or destroys (any record) shall be fined not more than \$2,000 or imprisoned not more than three years, or both; and shall forfeit his office and be disqualified from holding any office under the United States." While the range of acts proscribed by this subsection is somewhat narrower than subsection (a), it does provide the additional penalty of forfeiture of position with the United States”* (Arkib Jabatan Keadilan Amerika Syarikat, 2024).

Berdasarkan peruntukan undang-undang seperti di atas, jelas menunjukkan adalah menjadi suatu kesalahan memusnahkan rekod awam di negara Amerika Syarikat. Hukuman kepada mana-mana pihak yang melakukan kesalahan ini ialah mereka boleh didenda \$2000 atau penjara tidak lebih tiga tahun atau kedua-duanya sekali. Di negara Australia pula, seksyen 24 (1) Akta Arkib Australia 1983 menetapkan rekod-rekod awam tidak boleh dimusnahkan tanpa kebenaran daripada pihak Arkib Negara Australia (Arkib Negara Australia, 2024). Kerajaan Hongkong juga menetapkan rekod awam di negara ini tidak dibenar dimusnahkan tanpa kebenaran daripada Pengarah Perkhidmatan Rekod Kerajaan (Perkhidmatan Rekod Kerajaan Hongkong, 2017). Bagaimanapun, kedua-dua akta tersebut tidak menyatakan tentang hukuman terhadap pelanggaran kedua-dua seksyen undang-undang tersebut.

### **Kesalahan Tidak Menyerahkan Rekod Awam Kepada Arkib Negara Malaysia**

Seksyen 29 (1) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa seseorang yang, sebagai orang yang bukan pekhidmat awam dengan kebenaran khas untuk menyimpan dan mengendalikan rekod dalam perjalanan tugas rasminya, memiliki mana-mana rekod awam yang berusia lebih daripada dua puluh tahun; atau bukan rekod awam semasa yang pada pendapat Ketua Pengarah adalah atau mungkin mempunyai nilai kebangsaan atau sejarah yang kekal dan lama bertahan atau kedua-duanya, hendaklah, apabila permintaan dibuat oleh Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, menyerahkan rekod awam itu kepada jagaan dan kawalan Arkib Negara Malaysia. Sebagai hukuman kepada mana-mana pihak yang melanggar seksyen 29 (1) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) ini, Seksyen 29 (3) Akta ini menetapkan mana-



mana orang yang, tidak menyerahkan rekod awam yang dikehendaki di bawah subseksyen (1) melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seperti di Malaysia, negara-negara luar juga menetapkan rekod-rekod awam yang bernilai perlu diserahkan kepada institusi arkib negara mereka. Contohnya di negara Afrika Selatan, seksyen 11(2) Akta Arkib Negara dan Perkhidmatan Rekod (Akta No. 43 of 1996) menyatakan:

*“Public records determined by the National Archivist as having archival value must be kept by the governmental body for twenty years from the date that the records came into being. These records are indicated by an A20 symbol on the disposal schedule. Governmental bodies must however keep all their records in safe custody until they receive disposal authority from the National Archivist. Only once written disposal authority has been obtained may the governmental body consider arranging for the transfer of their archival records to an archive’s repository”* (Arkib Negara dan Perkhidmatan Rekod Afrika Selatan, 2016).

Bagaimanapun akta tersebut tidak menyatakan kesalahan sekiranya seseorang tidak menyerahkan rekod awam kepada institusi arkib negara serta hukuman terhadap kesalahan tersebut. Di negara Kanada pula, seksyen 6 (1), Akta Arkib Negara Kanada 1985 menyatakan:

*“The records of government institutions and ministerial records that, in the opinion of the Archivist, are of historic or archival importance shall be transferred to the care and control of the Archivist in accordance with such schedules or other agreements for the transfer of records as may be agreed on between the Archivist and the government institution or person responsible for the records”* (Akta Arkib Negara Kanada, 1985).

Bagaimanapun akta ini juga tidak menyatakan kesalahan sekiranya seseorang tidak menyerahkan rekod awam kepada institusi arkib negara serta hukuman terhadap kesalahan tersebut.

### ***Kesalahan Membuat Salinan Atau Mengambil Cabutan Daripada Mana-Mana Arkib Awam***

Seksyen 37 (5) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana arkib awam kecuali mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Akta ini. Sebagai hukuman kepada mana-mana pihak yang melanggar seksyen tersebut, seksyen 37 (6) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seperti di Malaysia, negara-negara luar juga ada menetapkan bahawa tidak dibenarkan membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana arkib awam. Contohnya di negara Singapura, Seksyen 13 (1) Akta Arkib dan Pusat Rekod (Bab 193) menyatakan:

*“No person shall publish or reproduce the whole or any part of the contents of any public records which have been transferred to the Centre except with the written consent of the Director and in accordance with such conditions as may be imposed by the Director or the person from whom they were acquired”* (Arkib Negara dan Pusat Rekod Singapura, 2024).

Seterusnya seksyen 16 Akta Arkib dan Pusat Rekod (Bab 193) 1970 ini menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya (Akta Arkib Negara dan Pusat Rekod (Bab 193), 1970). Di negara Ireland pula, seksyen 17 (3), Akta Arkib Negara 1986 Ireland menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana arkib awam kecuali mengikut peraturan yang ditetapkan oleh Akta tersebut. Seksyen 17 (4) akta itu juga menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lapan ribu paun. (Akta Arkib Negara 1986 Ireland, 1986).

### ***Kesalahan Membuat Salinan Atau Mengambil Cabutan Daripada Mana-Mana Rekod Terperingkat***

Seksyen 38 (6) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa tiada seorang pun boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada mana-mana rekod terperingkat kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis ketua pentadbir pejabat yang bertanggungjawab bagi rekod terperingkat itu dan mengikut Akta ini. Sebagai hukuman kepada mana-mana pihak yang melanggar Seksyen tersebut, Seksyen 38 (7) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (6) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seperti di Malaysia, negara-negara luar seperti di Negara Amerika Syarikat juga ada menyediakan undang-undang seperti ini. Contohnya seksyen 1.2 (a) (3) Arahan Eksekutif 13526 - Maklumat Keselamatan Kebangsaan Terperingkat Amerika Syarikat menyatakan rekod-rekod bertaraf terperingkat tidak boleh dibuat salinan tanpa kebenaran daripada pihak berkuasa (The White House, 2009).

### ***Kesalahan Mengeksport Arkib Awam***

Seksyen 44 (1) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan bahawa tiada seorang pun, boleh membawa atau menghantar ke luar Malaysia apa-apa arkib awam kecuali dengan terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis Ketua Pengarah Arkib Negara Malaysia, dan mengikut terma dan syarat yang ditetapkan. Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya. Sebagai hukuman kepada mana-mana pihak yang melanggar seksyen tersebut, seksyen 44 (2) Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) menyatakan mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Seperti di Malaysia, negara-negara luar juga menetapkan bahan-bahan arkib milik negara tidak dibenarkan di eksport keluar negara. Contohnya di negara Brunei, seksyen 16, Akta Arkib Negara Brunei 1983 menyatakan tiada siapa yang boleh membawa keluar arkib awam dan rekod awam tanpa kebenaran bertulis Pengarah Arkib Awam Brunei. Seksyen 18 akta ini juga menyatakan mana-mana orang yang melanggar mana-mana seksyen di dalam akta adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi empat ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi enam bulan (Akta Arkib Negara Brunei, 1983).

Di negara Pakistan pula, seksyen 5 Akta Bahan Arkib ( Kawalan Pemeliharaan dan Ekspot) 1975 Pakistan menyatakan:

*“No person shall export any archival material except under the authority of a license granted by the Director for its temporary export for the purpose of exhibition, examination, or treatment for preservation. (Arkib Negara Pakistan, 2014).*

Berdasarkan seksyen ini, ia jelas menunjukkan undang-undang di negara Pakistan tidak membenarkan arkib awam diekspot ke luar negara. Bagaimanapun, akta ini tidak menyatakan jenis hukuman terhadap mana-mana pihak yang melanggar peruntukan seksyen undang-undang tersebut.

### **Penutup**

Berdasarkan perbincangan seperti di atas, ia jelas menunjukkan objektif kertas ini telah tercapai. Hal ini kerana kertas ini telah berjaya mengenal pasti lima jenis kesalahan terhadap rekod awam dan arkib awam di Malaysia dan satu jenis hukuman yang sedang dikuatkuasa di bawah Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629). Selain daripada itu kertas ini juga telah berjaya mengenal pasti beberapa perbezaan dan persamaan berkaitan jenis-jenis kesalahan dan hukuman yang diperuntukkan di bawah akta ini jika dibandingkan dengan jenis-jenis kesalahan dan hukuman berkaitan rekod dan arkib awam yang sedang dikuatkuasa di negara luar. Sehubungan dengan itu diharap perbincangan di dalam kertas ini telah dapat menyumbang kepada pengetahuan pembaca tentang jenis kesalahan dan hukuman berkaitan rekod awam dan arkib awam yang sedang dikuatkuasa di bawah Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629) di Malaysia serta perbandingannya dengan negara-negara luar. Diharap juga penemuan daripada analisis awal ini akan dapat menjadi pemangkin kepada penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan persoalan ini pada masa hadapan. Persoalan yang dicadang untuk dikaji ialah berkaitan cadangan penambahbaikan terhadap kesalahan-kesalahan dan hukuman-hukuman di bawah akta tersebut agar ianya benar-benar berkesan untuk memelihara rekod awam dan arkib awam di Malaysia.

### **Penghargaan**

Penulis ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah membantu menyiapkan kajian dan kertas ini dengan jayanya. Penulis juga ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang membantu menerbitkan kertas ini di dalam jurnal yang berkenaan.

### **Rujukan**

- Akta Arkib Negara Brunei. (1983, January 1). Brunei National Archives Act 1983. Retrieved from [https://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/ACT\\_PDF/cap116.pdf](https://www.agc.gov.bn/AGC%20Images/LAWS/ACT_PDF/cap116.pdf)
- Akta Arkib Negara dan Pusat Rekod Singapura (Bab 193). (2024, April). Retrieved from <https://sso.agc.gov.sg/Act-Rev/NARCA1967/Published/19870330?>
- Akta Arkib Negara Ireland. (1986, January 1). National Archives Act 1986. Retrieved from <https://www.irishstatutebook.ie/eli/1986/act/11/enacted/en/print#sec8>
- Akta Arkib Negara Kanada. (1985, January 1). National Archives of Canada Act 1985. Retrieved from <https://www.canlii.org/en/ca/laws/stat/rsc-1985-c-1-3rd-supp/latest/rsc-1985-c-1-3rd-supp.html>
- Arkib Jabatan Keadilan Amerika Syarikat. (2024, April 15). 1663. Protection Of Government Property -- Protection Of Public Records And Documents. Retrieved from



- <https://www.justice.gov/archives/jm/criminal-resource-manual-1663-protection-government-property-protection-public-records-and#>
- Arkib Negara Australia. (2024, April 23). Archives Act 1983. Retrieved from <https://www.legislation.gov.au/C2004A02796/2021-09-01/text>
- Arkib Negara dan Perkhidmatan Rekod Afrika Selatan. (2024, April 18). Transfer of records to the National Archives. Retrieved from <https://www.nationalarchives.gov.za/node/431>
- Arkib Negara Malaysia. (2003). *Akta Arkib Negara 2003 (Akta 629)*. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Arkib Negara Pakistan. (2014, January 15). The Archival Material (Preservation and Export Control) Act, 1975. Retrieved from <https://nasirlawsite.com/laws/ama.htm>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2007). *Kamus Dewan* (Edisi ke 4). Kuala Lumpur: DBP.
- Kor, L. K. & Teoh, S. H. (2009). *Conceptual framework and to journal writing*. Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Perkhidmatan Rekod Kerajaan Hong Kong. (2017, January 1). Destruction of records in the Government. Retrieved from [https://www.grs.gov.hk/en/destruction\\_of\\_records](https://www.grs.gov.hk/en/destruction_of_records)
- Sekaran, U. & Bougie, R. (2010). *Research methods for business: A skill building approach* (5th ed.). United Kingdom: Wiley.
- The White House. (2009, December 29). Executive Order 13526- Classified National Security Information. Retrieved from <https://obamawhitehouse.archives.gov/the-press-office/executive-order-classified-national-security-information>
- Zainuddin Awang. (2013). *Research methodology and data analysis* (2nd ed.). Shah Alam: UiTM Press.